



Kementerian Sumber Manusia

# Agenda Untuk Pekerjaan Dan Kebolehankerjaan



KELUARAN KHAS  
BERITA HARIAN  
Sabtu, 2 Mei 2009

Oleh Haryani Ngah  
[ngah@bharian.com.my](mailto:ngah@bharian.com.my)

**P**ERSEKUTUAN Majikan Malaysia (MEF) sangat memandang berat berhubung situasi ekonomi semasa dan sangat aktif bekerjasama dengan kerajaan bagi membantu syarikat mengurangkan perniagaan mereka secara efektif dan berusaha mengurangkan segala aspek negatif terhadap masalah pengangguran pekerja.

Presiden MEF, Datuk Azman Shah Haron, berkata MEF menyokong sepenuhnya usaha kerajaan berhubung pandangan berkaitan pembuangan pekerja adalah langkah terakhir diambil dalam menghadapi situasi ini.

"Persekutuan juga menggalakkan majikan swasta mengambil peluang ini untuk melatih semula pekerja mereka bagi merebut peluang sekiranya berlaku semula peningkatan," katanya.

Berdepan situasi sukar, MEF menggalakkan majikan untuk me-



**“**Persekutuan juga menggalakkan majikan swasta mengambil peluang ini untuk melatih semula pekerja mereka bagi merebut peluang sekiranya berlaku semula peningkatan”

**Azman Shah Haron**

ngambil kesempatan di atas keseimbangan ekonomi dengan mengadakan latihan dan melatih semula serta memberi sijil kepada pekerja berkemahiran bagi membantu negara dalam menyediakan pekerja tempatan bagi mengantikan bu-

ruh asing dalam bidang industri.

Ini sekali gus dapat meningkatkan ekonomi dan pada masa sama membantu negara mengurangkan penggantungan terhadap buruh asing.

Dalam usaha mempromosi dan

mengekalkan keharmonian dalam industri terutama ketika kegawatan ekonomi, MEF membuka ruang komunikasi menerusi dialog bersama tiga pihak.

Sepanjang masa mencabar ini, kesemua pihak perlu bekerjasama bagi mencapai matlamat bangsa menerusi pengukuhan produktiviti dan kompetitif.

Untuk mengelak pemberhentian kerja berlaku adalah lebih elok pekerja itu berfikiran positif terhadap pengurangan kos terutama dalam pemberhentian sementara bagi memastikan syarikat terus beroperasi.

Beliau juga menyarankan golongan belia yang tidak begitu cemerlang dalam akademik agar beralih kepada bidang kemahiran dan vokasional kerana banyak peluang pekerjaan terbuka luas untuk mereka.

"Bidang kemahiran dan vokasional juga mampu memberikan pen-

dapatian menarik asalkan mereka berminat untuk meneroka bidang ini," katanya.

Mengenai isu pemberhentian kerja yang mungkin berlaku berikutan krisis ekonomi, beliau melihat sektor pembuatan berorientasikan eksport akan terjejas teruk.

"Sekalipun pemberhentian kerja dilihat sebagai sebahagian daripada usaha yang dilakukan dalam perniagaan bagi mengurangkan kos operasi ketika gawat, kebanyakannya syarikat cuba mengelak daripada berlakunya perkara seperti ini."

"Majikan seboleh-bolehnya tidak mahu memberhentikan pekerja mereka. Kami akan kehilangan banyak pelaburan yang dilakukan ke atas pekerja itu dan jika kami berhentikan mereka, pastinya pekerja itu tidak akan datang bekerja dengan kami semula," katanya.